



METODE IBN ADIL AL-HANBALI (W 880H) DALAM PENGHUJAHAN HADITH DI DALAM KITABNYA AL-LUBAB FI ULUM AL-KITAB: KAJIAN TERHADAP SURAH AL-FATIHAH

Ahmad Kamel Mohamed¹, Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff², Adel Abdul Aziz al-Ghiryani³

¹Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

² Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

³Universiti Islam Malaysia

Abstract

Kajian ini meneliti metod Ibnu Adel al-Hanbali dalam penghujahan Hadith di dalam kitab tafsirnya al-Lubab Fi Ulum al-Kitab. Penulis akan menerangkan secara jelas metode yang digunakan oleh Ibnu Adel dan menelusuri aspek penggunaan hadith sebagai sumber rujukan dan pendalilan dalam penghujahan pentafsiran al-Quran di dalam kitab beliau. Kajian ini juga cuba menghubungkan metode yang digunakan oleh Ibnu Adel dengan keperluan pentafsir masakini di dalam penulisan mereka. Pemilihan kitab al-Lubab ini dalam kajian ini pula ialah kerana kitab ini adalah sebuah kitab tafsir yang besar yang mengandungi sebanyak 20 jilid. Ianya menunjukkan bahawa pengarangnya adalah seorang yang alim di zamannya akan tetapi ianya kurang dikenali di rantau ini. Skop kajian ini memfokuskan kepada surah al-Fatihah untuk melihat sejauh mana penghujahan Ibnu Adel bersumberkan hadith. Kesimpulannya, kajian mendapati bahawa Ibnu Adel mementingkan penggunaan hadith sebagai hujah dan sumber dalam mengarang kitab tafsirnya ‘al-Lubab Fi Ulum al-Kitab’ akan tetapi beliau tidak konsisten dalam menyandarkan hadith kepada perawi yang terdekat atau dikenali sebagai *rawi a’la* di kalangan sahabat. Beliau tidak menyandarkan hadith-hadith tersebut dengan sanad yang sempurna sebagaimana yang dilakukan oleh ulamak-ulamak hadith serta tidak menyatakan status hadith samada saheh, dhaif ataupun mungkar. Beliau juga mengambil pendapat-pendapat ulamak dari kitab-kitab yang beliau rujuk tanpa ada penjelasan lanjut.

Kata kunci: *Hadith, Ibnu Adel, al-Lubab, al-Lubab fi Ulum al-Kitab*

Article Progress

Received: 19 Sept 2018

Revised: 15 October 2018

Accepted: 20 November 2018

*Corresponding Author:
Ahmad Kamel Mohamed,
Pensyarah, Fakulti Pengajian
Quran Sunnah, USIM.
Email: kamel@usim.edu.my

1. PENDAHULUAN

Al-Quran diturunkan sebagai petunjuk dan panduan kepada manusia menuju dan mengenal Allah Taala. Kitab suci ini telah mencakupi semua aspek kehidupan yang diperlukan oleh manusia sebagai khalifah yang telah dilantik oleh Allah untuk menguruskan muka bumi ini. Tinggal lagi ianya merupakan sebuah teks yang sangat global isi kandungannya sehingga memerlukan kepada pencerahan dan penjelasan untuk memahami isi kandungannya, sekaligus dapat menyempurnakan kehendak Allah Taala sebagai petunjuk dan panduan untuk kehidupan manusia di muka bumi Allah ini. Oleh kerana itu, Allah Taala telah mengutuskan Rasul di kalangan manusia sebagai *wasitah* atau moderator yang membawa mesej Allah Taala melalui KitabNya kepada manusia. Apa-apa yang keluar dari Rasul ini lah yang dikenali sebagai hadith dan juga sunnah yang mana kedudukan dan fungsinya amat penting sekali untuk memenuhi kehendak Allah Taala dalam melantik manusia sebagai khalifah. Peranan penting yang ada pada hadith ini tidak mungkin dikesampingkan dalam memahami kehendak sebenar Yang Maha Esa di dalam kitab sucinya al-Quran kerana manusia tidak mampu untuk memahami dengan pasti jika hanya sekadar membaca dan merujuk kepada al-Quran.



Ulamak tafsir sejak dahulu hingga sekarang telah menjadikan hadith nabi bahkan riwayat dari sahabat baginda s.a.w. sebagai penghujahan dan rujukan dalam mentafsirkan al-Quran. Hadith merupakan salah satu sumber utama dalam pentafsiran al-Quran, bahkan ia mengungguli di kedudukan kedua dalam senarai sumber pentafsiran al-Quran selepas tafsir al-Quran dengan al-Quran. Di dalam istilah Ilmu Hadith, kitab-kitab yang banyak merujuk kepada hadith dan *athar* dikenali sebagai kitab tafsir *bi al-ma'thur* iaitu lawan kepada tafsir *bi al-ra'y* iaitu tafsir yang menggunakan ijтиhad ulamak berdasarkan situasi semasa dan setempat. Metode rujukan kepada hadith ini menjadi pegangan kuat sebahagian besar ulama tafsir dalam mentafsirkan ayat-ayat suci al-Quran Ianya menjadi satu metode yang wajib bagi mereka dalam mentafsirkan al-Quran sebelum melangkaui dengan penafsiran melalui pendapat dan pengamatan mereka sendiri.

2. KEDUDUKAN DAN FUNGSI HADITH TERHADAP AL-QURAN

Sebagaimana yang telah dinyatakan tentang perihal pentingnya hadith kepada al-Quran bahawa sumber yang kedua yang dirujuk oleh para sahabat sendiri dalam tafsiran mereka terhadap Kitab Allah iaitu Rasulullah s.a.w.¹ Para sahabat, apabila berhadapan dengan sesuatu ayat yang mengelirukan dan tidak difahami maka mereka terus merujuk kepada Rasulullah s.a.w. semasa hayat baginda. Lalu Rasulullah s.a.w. akan menerangkan kepada mereka maksud yang tersembunyi dari ayat tersebut kerana antara tugas baginda adalah sebagai penerang (*al-bayan*) sebagaimana firman Allah Taala:

وَأَنْزَلَنَا إِلَيْكَ الْذِكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Ertinya:

Kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya.

Sesiapa yang merujuk kitab-kitab sunnah akan mendapatkan bahawa di dalamnya terdapat bab-bab yang khusus yang menyentuh tentang penjelasan-penjelasan Nabi terhadap ayat-ayat al-Quran yang dikenali sebagai *tafsir bi al-ma'thur*. Sebagai contoh Rasulullah s.a.w. menerangkan tentang maksud (المضوب) (الضالين) dan (عليهم) dalam surah al-Fatihah dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh ‘Adi bin Hibban, Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

Sesungguhnya (المضوب عليهم) adalah orang yahudi dan (الضالين عليهم) adalah orang kristian.²

Secara ringkasnya, antara fungsi Hadith terhadap al-Quran ialah:

2.1. Bayan at-Taqrir

Bayan al-taqrir disebut juga dengan bayan al-ta'kid dan bayan al-ithbat. Yang bermaksud menetapkan dan memperkuat apa yang telah diterangkan di dalam al-Quran. Fungsi hadith dalam hal ini hanya memperkuat isi kandungan al-Quran. Sebagai contoh hadith yang diriwayatkan Muslim dari Ibnu Umar, yang berbunyi sebagai berikut:

إِذَا رأَيْتُمُوهُ فَصُومُوا، وَإِذَا رأَيْتُمُوهُ فَأَفْطُرُوا، فَإِنْ غَمَ عَلَيْكُمْ فَاقْدِرُوا لَهُ³

Ertinya: *Apabila kamu melihat (ru'yah) bulan, maka berpuasalah, juga apabila melihat (ru'yah) itu maka berbukalah. Jika terhalang (oleh mendung) maka sempurnakan bilangan (Sya'ban) menjadi tiga puluh hari.*

¹ Al-Zahabiy, Dr. Muhammad Hussin, 1989, *al-Tafsir wa al-Mufassirun*, al-Kaherah: Maktabah Wahbah, 1/45.

² Al-Zahabiy, 1989, 1/47

³ Muslim, Ibn al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qusyairi al-Nisaburi (w. 261H), t.t., *Al-Masnad al-Saheh al-Mukhtasar bi Naqli al-Adli Ila Rasulillah s.a.w.*, Tahqiq: Muhammad Fuad al-Baqiyy, Beirut, Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy, 2/760, no Hadith: 1080



Hadith di atas datang mentaqrir ayat al-quran di bawah ini:

فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الْشَّهْرَ فَلِيَصُمِّمْ⁴

Yang bermaksud:

Maka barang siapa yang mempersaksikan pada waktu itu bulan, hendaklah ia berpuasa

2.2. Bayan al-Tafsir

Yang dimaksud dengan bayan al-tafsir ialah kehadiran hadith berfungsi untuk memberikan perincian dan tafsiran global (*mujmal*), memberikan persyaratan atau batasan (*taqyid*) ayat-ayat al-Quran yang bersifat mutlak, dan menghususkan (*takhsis*) terhadap ayat-ayat al-Quran yang masih bersifat umum. Di antara contoh tentang ayat-ayat yang masih *mujmal* adalah perintah mengerjakan solat, puasa, zakat, disyariatkan jual beli, nikah, qisas, hudud dan sebagainya. Ayat-ayat al-Quran tentang masalah ini masih bersifat *mujmal*, baik mengenai cara mengerjakan, sebab-sebabnya, syarat-syaratnya, atau halangan-halangannya. Oleh karena itulah Rasulullah s.a.w., melalui hadith dan sunnah menafsir dan menjelaskan masalah-masalah tersebut. Contoh fungsi hadith sebagai bayan al-tafsir yaitu:

صَلُوَّا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصْلِيٌّ، فَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَلْيُؤْدِنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ وَلْيُؤْمَكُمْ أَكْبَرُكُمْ⁵

Ertinya:

Solatlah sebagaimana kamu lihat aku solat, apabila waktu solat telah masuk maka hendaklah salah seorang di antara kamu mengumandangkan azan dan yang lebih tua daripada kamu menjadi iman

Hadith ini menjelaskan bagaimana mendirikan solat. Sebab dalam al-Quran tidak dijelaskan secara terperinci, salah satu ayat yang memerintahkan solat adalah:

وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الْزَكُوَةَ وَأَرْكَعُوا مَعَ الْرُّكُعَيْنَ⁶

Yang bermaksud:

dan dirikanlah solat tunaikanlah zakat dan ruku'lah bersama orang-orang yang ruku'

2.3. Bayan Tasyri'

Yang dimaksud dengan bayan al-Tasyri' ialah mewujudkan suatu hukum atau ajaran yang tidak terdapat dalam al-Quran, atau dalam al-Quran hanya terdapat pokok-pokoknya saja. Hadith Rasul s.a.w., dalam segala bentuknya samada *qauli*, *fi'li* mahupun *taqriri* berusaha menunjukkan suatu kepastian hukum terhadap berbagai persoalan yang timbul, yang tidak ada dalam al-Quran. Hadith-hadith Rasul s.a.w. yang termasuk dalam kelompok ini di antaranya hadith tentang penetapan haram mengumpul dua wanita adik beradik, hukum syuf'ah, hukum merajam pezina wanita yang belum berkahwin, dan hukum tentang hak waris bagi seorang anak. Suatu contoh, hadith tentang zakat fitrah, sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn Omar r.a:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرِضَ زَكَاءً الْفُطْرَ مِنْ رَمَضَانَ عَلَى النَّاسِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى كُلِّ حُرٍّ أَوْ عَبْدٍ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى مِنْ الْمُسْلِمِينَ.⁷

⁴ Al-Quran. Al-Baqarah 2:185

⁵ al-Baihaqi, Ahmad bin Husain bin Ali bin Musa Abu Bakar, 1994, *Sunnan al-Baihaqi al-Kubra*, Makkah al-Mukarramah, Maktabah Dar al-Baz, 2/345

⁶ Al-Quran. Al-Baqarah 2:43

⁷ Al-Munziri, Abdul al-Azim bin Abd al-Qawiy (w. 656 H), 1987 M, *Mukhtasar Saheh Muslim*, Tahqiq: Muhammad Nasiruddin Albani, Beirut, al-Maktab al-Islami, 1/142



Ertinya:

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah mewajibkan zakat fitrah kepada umat islam pada bulan Ramadhan satu sukatana (soa') kurma atau gandum untuk setiap orang, baik merdeka atau hamba, laki-laki atau perempuan muslim.

Hadith yang termasuk bayan al-Tasyri' ini wajib diamalkan sebagaimana mengamalkan hadith-hadith lain.

2.4. Bayan Nasikh

Kata *nasikh* secara literal bererti 'ibtal' (membatalkan), 'izalah' (menghilangkan), 'tahwil' (memindahkan), dan 'taghyir' (mengubah). Para ulama' mengertikan bayan al-Nasikh ini banyak yang melalui pendekatan bahasa, sehingga berlaku perselisihan pendapat di antara dalam mena'rifikannya. Jadi intinya pernyataan hukum yang datang terkemudian menghapus pernyataan yang datang terdahulu, karena yang akhir dilihat lebih sesuai dengan kehendaknya. Ketidakberlakuan suatu hukum hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, terutama syarat adanya nasikh dan mansukh. Pada akhirnya, hadith sebagai ketetapan yang datang kemudian daripada Al-Quran dapat mengubah ketetapan dalam Al-Quran. Salah satu contoh yang biasa diajukan oleh para ulama' ialah:

لَا وَصِيَّةٌ لِوَارِثٍ⁸

Ertinya:

Tidak ada wasiat bagi ahli waris.

Hadith ini menurut mereka menasikhkan isi firman Allah swt:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمُوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا أُولَئِكَ الْوَصِيَّةُ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبَيْنَ بِالْمَعْرُوفِ حَفَّا عَلَى الْمُتَّقِيْنَ⁹

Yang bermaksud:

Diwajibkan atas kamu, apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiat untuk ibu-bapa dan karib kerabatnya secara makruf, (ini adalah) kewajiban atas orang-orang yang bertakwa.

3. IBNU ADEL AL-HAMBALI DAN METODE NYA DALAM MENGGUNAKAN HADITH SEBAGAI PENGHUAJAHAN TAFSIR AL-QURAN

Kajian ini membincangkan metode Ibnu Adel al-Hambali dalam menggunakan hadith sebagai penghujahan penafsiran beliau melalui penelitian terhadap kitab *al-Lubab*. Sebelum tu penulis ingin memperkenalkan terlebih dahulu siapakah Ibnu Adel al-Hambali disebabkan beliau kurang dikenali ramai terutama di rantau nusantara.

3.1. Pengenalan ringkas Ibnu Adel al-Hambali

Dalam usaha mengenali tokoh tafsir ini, penulis merujuk beberapa buku terjemahan biografi yang ditulis di era Ibnu Adel¹⁰ dan era selepasnya sedikit¹¹. Penulis mendapati bahawa buku-buku tersebut tidak

⁸ Al-Albaniy, Muhammad Nasruddin (w. 2000 H), 2002 M, *Mukhtasar Saheh al-Imam al-Bukhari*, Riyadh, Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa Tauzi', 2/244.

⁹ Al-Quran. Al-Baqarah 2:180

¹⁰ Seperti al-Sakhawi, Shamsuddin Bin Abdul Rahman (902H), *al-Dhu 'al-Lami' fi A 'yan al-Qarni al-Tasi'*, Maktabah al-Hayat Beirut; Al-Suyuti, Abdul Rahman Bin Abi Bakar Jalaluddin(911H), *Tabaqat al-Mufassirin*, Maktabah al-Wahbah, Qaherah 1396H;

¹¹ Seperti al-Daudi, Syamsuddin Mohammad Bin Ali Bin Ahmad (945H), *Tabaqat al-Mufassirin*, Maktabah Wahbah Qaherah Cet. 2, Tahqiq Ali Mohammad Omar.



banyak menyebut mengenai Ibnu Adel. Begitu juga buku-buku terjemahan biografi kontemporari.¹² Manakala buku-buku yang menyebut mengenai beliau hanya menceritakan secara ringkas tanpa menyatakan secara tepat tentang tarikh dan tempat kelahirannya¹³. Tidak ada catatan yang tepat tentang tahun kelahirannya melainkan hanya diceritakan bahawa beliau menghabiskan tafsiran surah TaHa pada 15 Ramadhan tahun 880H.¹⁴ Pendapat lain pula mengatakan bahawa Ibnu Adel selesai mengarang kitab “*al-Lubab*” pada tahun 879H. Oleh yang demikian boleh disimpulkan bahawa perbezaan yang berlaku ini disebabkan oleh dua perkara:

Imam Ibnu Adel tidak begitu dikenali oleh ahli-ahli sejarah Arab dan penulis buku terjemahan bibliografi. Ini mungkin disebabkan oleh sifat pemencilan diri beliau dari khalayak. Beliau berkemungkinan mengelak untuk bergaul dengan orang ramai semata-mata untuk fokus kepada ilmu dan ibadah atau mungkin juga beliau tidak suka publisiti sebagaimana yang berlaku kepada setengah-setengah ulama’ yang terdahulu.

Kekurangan sumber dan rujukan pada zaman beliau di mana penulisan tentang beliau dilakukan oleh ulama’ sesudah beliau yang bergantung juga kepada orang-orang sebelumnya.

Dari apa yang dinyatakan di atas tadi menunjukkan kepada kita bahawa al-Imam Ibnu Adel al-Hambali hidup sekitar tahun 880H malahan lebih awal dari itu iaitu sekitar kurun ke sembilan Hijrah. Akan tetapi kesemua pendapat tadi tidak dapat menentukan dengan tepat tarikh lahir dan juga tempat kelahirannya. Semua buku-buku terjemahan biografi yang ditemui tidak menyatakan tarikh lahir beliau demikian juga tarikh kewafatan beliau. Kebanyakan mereka hanya menyatakan bahawa Ibnu Adel masih lagi hidup pada tahun 880H dan selepasnya namun tidak dinyatakan secara spesifik tarikh dan tempat beliau meninggal.¹⁵

3.2. Nama dan gelaran Ibnu Adel

Nama penuh beliau ialah Imam Abu Hafas Omar bin Ali bin Adel Sirajuddin al-Dimasyqi al-Hambali al-Nu‘mani. Terkenal dengan panggilan Ibnu Adel al-Hambali. Beliau dipanggil dengan Abu Hafas¹⁶ sebagaimana tokoh-tokoh lain yang menggelarkan diri mereka dengan panggilan yang mereka suka seperti Imam Nawawi menggelarkan diri sebagai Abu Zakaria dan Ibnu Taymiyyah menggelarkan diri sebagai Abu Abbas. Demikian juga tokoh-tokoh yang lain mempunyai gelaran-gelaran yang tersendiri.

Sirajuddin yang bermaksud pemberi cahaya pada agama adalah gelaran yang diberikan kepada beliau sebagaimana Imam-Imam lain. Sebagai contoh Ibnu Taymiyyah diberi gelaran Syeikhul Islam. Gelaran-gelaran sebegini yang diberikan kepada tokoh-tokoh adalah berdasarkan kepada keistimewaan yang ada pada mereka atau berlakunya peristiwa-peristiwa penting ke atas mereka. Gelaran ke atas Ibnu Adel ini berkemungkinan disebabkan luasnya ilmu yang beliau miliki yang menjadi panduan dan penyuluhan bagi orang lain.

Gelaran *al-Dimasyqi* yang disandarkan kepada beliau adalah berdasarkan kepada ibukota Damsyik di Syria. Damsyik adalah sebuah bandar yang masyhur sebagai salah sebuah daripada kota ilmu pada zaman kegemilangan Islam.

Gelaran *al-Hambali* pula disandar kepada Imam Hambali iaitu pengasas mazhab Hambali. Ini menunjukkan Ibnu Adel seorang yang bermazhab Hambali dari segi Feqahnya.

¹² Seperti al-Adnahwi, Ahmad Bin Mohammad (Ulama’ kurun ke 11H), *Tabaqat al-Mufassirin*, Maktabah al-Ulum wa al-Hukm, al-Madinah al-Munawwarah; Haji Khalifah, Mustafa Bin Abdullah (w. 1067H), 1941, *Kashfu al-Zunun ‘An Asami al-Kutub wa al-Funun*, Maktabah al-Muthanna, Baghdad.

¹³ Seperti al-Zirikli, Khairuddin Bin Mohammad, 1990, *Al-A‘lam Qamus Tarajum Li Asyhar al-Rijal Wa al-Nisa’ min al-‘Arab Wa al-Mustghribin Wa al-Mustasyriqin*, Beirut, Lubnan, Dar al-Ilmi Lil-Malayin.

¹⁴ Al-Zirikli, *al-a‘lam*, 5/85.

¹⁵ Al-Zirikli, *al-a‘lam*, 5/58

¹⁶ Haji Khalifah, *Kashfu al-Zunun*, 1941, 2/1543; al-Zirikli, 1990, 5/585



Manakala gelaran *al-Nu^cmani* disandarkan kepada bandar Nu^cmaniyah yang terletak di antara sungai Tigris dan Wasit di Iraq. Imam Ibnu Adel pernah berada di sini untuk satu tempoh¹⁷.

3.3. Kehidupan Ilmiah

Sebagaimana tidak diketahui tentang kelahiran dan kewafatan Ibnu Adel demikian juga tidak diketahui tentang kehidupan dan latar belakang beliau secara terperinci seperti kehidupan beliau sewaktu zaman kanak-kanak, zaman beliau menuntut ilmu, zaman beliau mula mengarang atau mengajar di mana-mana masjid. Amat sedikit sekali maklumat yang diketahui oleh ahli-ahli sejarah tokoh. Itupun berdasarkan manuskrip yang dipercayai tulisan tangan beliau yang terdapat catatan tarikh di sesetengah helaian. Yang boleh dibuat kesimpulan ialah tentang zaman yang dilalui oleh beliau.

Tiada satupun buku-buku terjemahan biografi yang menceritakan tentang kehidupan beliau terutama dari segi kehidupan ilmiahnya iaitu siapakah guru beliau, dari mana riwayat-riwayat beliau serta siapakah murid-murid yang berguru dengan beliau. Kalau dilihat kepada ketinggian ilmunya, sudah pasti beliau pernah mendampingi guru-guru yang hebat dan beliau juga sudah tentunya melahirkan murid-murid yang hebat.

Walaupun tidak diketahui asal usul yang jelas tentang beliau akan tetapi dengan melihat kepada kitab yang dihasilkan oleh beliau menunjukkan bahawa beliau seorang yang sangat alim, mempunyai ilmu yang luas dalam tafsir malahan ilmu-ilmu lain yang berkaitan. Kitab “*Al-Lubab Fi Ulum al-Kitab*” menjadi bukti kepada kedudukan beliau yang tersendiri dalam senarai ahli-ahli tafsir. Kalau kita mentelaah kitab ini kita akan dapat ianya penuh dengan berbagai cabang ilmu pengetahuan yang menunjukkan bahawa beliau satu ketika pernah bersama dan berguru dengan tokoh-tokoh tafsir yang amat hebat dalam jangka waktu yang lama sehingga terhasilnya kitab ini.

Walaupun kita tidak dapat mengetahui dengan tepat tentang kehidupan beliau akan tetapi sekurang-kurangnya kita boleh lihat suasana dan persekitaran yang berlaku pada zaman beliau. Seseorang itu sudah semestinya akan terpengaruh dengan suasana persekitaran yang berlaku disekelilingnya. Zaman yang beliau lalui mampu memberi gambaran tentang kehidupan yang dilalui oleh beliau dari segi sosial, ekonomi, ilmiah dan sebagainya.

Berdasarkan kepada apa yang disebut dan dicatat di dalam buku-buku terjemahan biografi seperti *al-'A'lam* oleh al-Zirikli, *al-Dhu' al-Lami'* oleh al-Sakhawi, *Tabaqat al-Mufassirin* oleh sayuti dan al-Daudi dan lain-lain dapat disimpulkan bahawa Ibnu Adel meninggal dunia selepas tahun 880H dan beliau menghabiskan kehidupan beliau di kurun ke 9 Hijrah. Zaman ini ialah zaman pemerintahan Mamalik di Mesir yang bermula pada tahun 648H.¹⁸

Secara ringkasnya kehidupan umat Islam pada masa itu di bawah pemerintahan Mamalik adalah sangat gemilang. Negeri-negeri di bawah pemerintahannya mengalami kepesatan dari setiap sudut terutama dari sudut perkembangan ilmu pengetahuan. Mesir yang mana Kaherah sebagai ibu negeri bagi kerajaan Mamalik menjadi tempat tumpuan pedagang-pedagang dan orang-orang yang datang menuntut ilmu tidak kira dari timur dan barat.

Kerajaan Mamalik pada masa itu berlumba-lumba membina institusi-institusi agama seperti masjid dan tempat pengajian ilmu yang kita dapat saksikan penubuhan Universiti al-Azhar sekarang yang bermula lebih seribu tahun lalu. Dan untuk membuktikan keprihatinan Raja-Raja terhadap ilmu pengetahuan dan institusinya ialah mereka ini sanggup mewaqafkan sebahagian besar harta mereka demi memajukan bidang ini.

¹⁷ Al-Jazari, *Izzu al-Din bin al-Athir*, 1400H, *al-Lubab Fi Tahzib al-Ansab*, Dar Sadir, Beirut 1/508.

¹⁸ Al-Ibadi, Ahmad Mokhtar, 1988, *Qiyam Daulah al-Mamalik al-'ula Fi Misr wa al-Sham*, Mu'assasah Shabab al-Jamiah, Iskandariyah, 81.



Ibnu Adel telah melalui kehidupan di zaman pemerintahan Mamalik Burjiyah yang bermula pada tahun 784H hingga tahun 923H. Menurut sejarah, dinamakan Mamalik Burjiyyah kerana Sultan Mansur Qalawun yang memerintah sebelum itu telah menempat dan mendidik golongan ini yang terdiri dari orang-orang Zarkasyi¹⁹ di menara-menara kubu. Apabila mereka memegang tumpuk pemerintahan maka dinamakan sebagai Mamalik Burjiyyah.²⁰

Raja-raja Mamalik Burjiyyah ini amat mengambil berat dengan institusi pendidikan seperti sekolah, perpustakaan, masjid dan lain-lain. Mereka berebut mewakafkan tanah dan harta mereka dalam mewujudkan institusi-institusi ini. Mereka mengangkat kedudukan orang yang terlibat di dalam institusi ini menyebabkan perkembangan ilmu menjadi begitu pesat sekali dengan sokongan kuat dari raja-raja dan ilmuan-ilmuan diberi tempat yang istimewa di kalangan mereka.

Raja-raja ini telah memainkan peranan yang besar dalam mewujudkan persekitaran yang mesra ilmu pengetahuan sehingga melahirkan ramai ilmua-ilmuan yang masyhur dalam pelbagai bidang ilmu di zaman tersebut termasuklah Ibnu Adel al-Hambali. Antara ulama-ulama yang lahir di zaman ini ialah Siraj Al-Din Al-Balqini dalam bidang feqah, Taqiuddin Al-Maqrizi dalam bidang sejarah, Jalal Al-Din Al-Mahalli dalam bidang Tafsir dan Ibnu Hajar Al-Asqalani dalam bidang Hadith. Jalaluddin Al-Suyuti ulama yang terkenal dengan pelbagai cabang ilmu pengetahuan juga lahir di zaman Mamalik Al-Burjiyyah.

3.4. Kedudukan Ibnu Adel Al-Hambali

Sesiapa yang membaca dan mentelaah kitab *al-Lubab* dapat mengetahui dengan jelas bahawa Ibnu Adel Al-Hambali adalah seorang yang alim dalam pelbagai cabang ilmu. Kitab *al-Lubab* cukup untuk menjadi bukti tentang kehebatan beliau. Ibnu Adel termasuk didalam golongan ulama yang mengorbankan sepenuh jiwa raga, umur dan kehidupan mereka dalam menghasilkan kajian, penelitian dan karya-karya ilmiah yang memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat.

4. PENGENALAN RINGKAS KITAB AL-LUBAB FI ULUM AL-KITAB

Kitab *al-Lubab* ini merupakan sebuah kitab yang dikarang oleh Ibnu Adel al-Hambali, ia adalah sebuah kitab tafsir yang tergolong dalam *tafsir bi al-Ra'y*. Beliau memulakan pentafsiran mengikut tertib susunan al-Quran bermula dari surah al-Fatiyah hingga surah al-Nas. Kitab ini terdiri dari 20 jilid, sebuah kitab tafsir yang agak besar yang boleh menunjukkan pendirian dan *shakhsiah* pengarangnya. Kitab *al-Lubab* ini sudah lama tersimpan dalam bentuk manuskrip sehingga ianya ditahqiq dan dicetak buat pertama kalinya pada tahun 1998 atas usaha beberapa ilmuan melalui kajian ilmiah. Antara keistimewaan yang besar boleh kita temui ialah penggunaan syair yang begitu banyak sekali di dalam *al-Lubab*. Bermula dari awal surah hingga ke akhir surah lebih daripada 5000 buah syair terdapat dalam karya ini. Syair-syair ini telahpun ditahqiq dan ditakhrij serta dinomborkan oleh kumpulan yang melakukan kajian terhadapnya. Satu kerja yang amat besar serta amat bernilai sekali.

4.1. Sumber-sumber Ibnu Adel dalam kitab Tafsir *al-Lubab Fi Ulum al-Kitab*

Orang alim tidak menjadi alim dengan sendirinya. Sebelum ia menjadi alim sudah tentu ia telah melalui proses pembelajaran yang sempurna dari orang-orang alim sebelumnya. Seseorang pengarang itu tidak akan menjadi pengarang sehinggalah ia merujuk kepada karangan-karangan orang sebelumnya dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan menjadikan karangan-karangan dan kitab-kitab tersebut sebagai rujukan dan sumber bagi dirinya untuk mengarang.

Tujuan untuk mencari gali sumber-sumber ini ialah untuk mendedahkan punca dan sumber ilmu pengetahuan yang diambil oleh ahli tafsir dalam mengarang kitab mereka. Demikian juga yang berlaku

¹⁹ Askar-askar upahan dari Negara Zarkasyi di Balkan yang diambil oleh pemerintah Al-Ayyubiy. Mereka ini ditempatkan di menara-menara kubu. Mereka mengambil alih tumpuk pemerintahan sesudah berakhirnya pemerintahan Al-Ayyubiy bermula dari tahun 648H.

²⁰ Shalabi, Dr Ahmad, 1982, *Mausu'ah Al-Tarikh Al-Islami*, Maktabah Al-Nahdah Al-Misriyyah, Cet. 5, 5/200. Ibrahim Tarkhan, 1961, *Misr Fi Asr Daulah Al-Mamalik Al-Jarakasah*, Kaherah, 60.



kepada Imam Ibnu Adel al-Hambali. Beliau merujuk kepada pelbagai sumber dan cabang ilmu pengetahuan dari pelbagai ulama dalam merealisasikan karangan beliau di dalam kitab *al-Lubab*. Secara ringkas dibahagikan sumber-sumber ini kepada empat bahagian:

- Sumber dari kitab-kitab Tafsir dan Ulum al-Quran.
- Sumber dari kitab-kitab Sunnah dan Sirah.
- Sumber dari kitab-kitab Fiqah dan Usul.
- Sumber dari kitab-kitab Nahu dan *Lughah*.

4.2. Kaedah persembahan kitab *al-Lubab*

Kaedah yang digunakan oleh Ibnu Adel dalam memaparkan metodologi penafsiran di dalam kitab *al-Lubab Fi Ulum al-Kitab* ini ialah beliau telah mulakan penafsiran surah-surah mengikut susunan di dalam mashaf al-Quran iaitu dimulakan dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah al-Nas. Kaedah begini biasa digunakan oleh kebanyakan ahli tafsir dengan penafsiran ayat-ayat mengikut susunan dan tertib surah mengikut mashaf al-Quran.

Kitab *al-Lubab* ini dikira sebagai kitab tafsir yang menggunakan kaedah *tafsili* atau tafsiran secara terperinci seperti Tafsir Ibnu Kathir dan lain-lain. Setiap kumpulan ayat itu samaada satu ayat atau beberapa ayat akan ditafsirkan secara terperinci iaitu dengan menyebut makna seerti, i^crab, Qiraat, perbahasan bahasa dari sudut isytiqaq, balaghah dan soraf. Sebagai contoh dalam surah al-Baqarah, ayat yang pertama digabungkan dengan ayat yang kedua sebagaimana firman Allah Taala:

اَلْمَّوْلِيْكُ لَا رَبَّ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ²¹

Pada permulaannya diterangkan makna (ۚ). Beliau menerangkan perbezaan dari segi i^crab dan pengertian huruf Hija'iyah. Perbahasan yang dikemukakan amat terperinci. Beliau akan menjelaskan secara terperinci dengan membawa perbezaan dan perselisihan setiap pandangan ulama dan mentarjihkan dengan membawa sokongan-sokongan syair dan perumpamaan Arab sebagai dalil mengukuhkan pendapat-pendapat yang dipilih oleh beliau.

Demikian juga dari segi qiraat, beliau akan membawa beberapa pendapat qiraat samaada pendapat yang *mutawatir* mahupun *syaz* dengan membincangkan setiap qiraat beserta menyebut takhrijnya

Ibnu Adel amat mementingkan ketelitian dalam setiap ulasannya bagi setiap ilmu yang ada dalam ayat. Apabila beliau membicarakan dari sudut bahasa sebagai contoh, beliau akan selesaikan dengan ilmu yang ada pada beliau sehingga tidak berlaku lagi pengulangan dalam perkara tersebut. Begitu juga sekiranya beliau mengulas dari sudut qiraat, beliau akan membahaskannya sehingga jelas dan nyata dan berpindah pula ke perkara lain.

Antara perkara yang menunjukkan bahawa beliau amat teliti dalam setiap ulasan beliau ialah beliau mengambil berat dalam menyandarkan setiap pendapat kepada orang yang mengeluarkan pendapat tersebut sehingga kita dapati dalam satu muka surat sahaja terdapat 10 nama-nama ulama yang disandarkan pendapat termasuk sebahagiannya beliau menyebut nama-nama kitab yang dirujuk oleh beliau. Ibnu Adel dalam kitab *al-Lubab* ini telah menggarang tafsirnya ini dari pendapat-pendapat ahli-ahli tafsir sebelumnya seperti al-Razi, al-Qurtubi, al-Baghawi, al-Tabari dan ramai lagi. Kitab Tafsirnya ini telah menggabungkan pendapat-pendapat dari beberapa buah sumber ulama-ulama tafsir yang tersohor. Gabungan yang dilakukan oleh Ibnu Adel ini memudahkan setiap orang yang membacanya kerana terdapat beberapa pendapat ulama tafsir yang masyhur sebagaimana yang disebut tadi hanya dalam satu kitab. Apa yang dilakukan oleh Ibnu Adel ini suatu perkara yang memerlukan usaha yang tersusun dan

²¹ Al-Quran. Al-Baqarah 2:1-2



teliti yang menggambarkan kehebatan beliau dan ketinggian ilmu beliau dalam pelbagai cabang pengetahuan.

5. METODE IBNU ADEL AL-HAMBALI DALAM MENGGUNAKAN HADITH SEBAGAI PENGHUAJAHAN TAFSIR AL-QURAN

Kitab-kitab hadith dan sunnah menjadi rujukan penting dan asas bagi Ibnu Adel dalam mentafsirkan al-Quran. Tidak ada orang yang lebih mengetahui tentang Kitab Allah melainkan kepada orang yang diturunkan Kitab tersebut iaitu Rasulullah s.a.w.. Oleh yang demikian menjadi suatu yang amat penting bagi ahli tafsir untuk mengetahui tafsiran Rasulullah s.a.w. terlebih dahulu sebelum mentafsirkan al-Quran agar ia tidak mendahului Rasulullah s.a.w. atau menyalahi baginda dalam mentafsirkan Kitab Allah kerana tafsiran dari Rasulullah merupakan wahyu dari Allah Taala sebagaimana firman Allah Taala:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ مُّوحَىٰ²²

Yang bermaksud:

Dan dia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (samada Al-Quran atau hadith) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

Terdapat banyak hadith-hadith Nabi S.A.W. dan riwayat-riwayat sahabat Baginda s.a.w. di dalam kitab al-Lubab. Antara sumber-sumber yang digunakan oleh Ibnu Adel ialah kitab Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Daud, Sunan al-Termizi, Sunan al-Nasa'ie dan Sunan Ibnu Majah yang dikenali sebagai Sunan Sittah. Ibnu Adel juga merujuk kitab Sunan al-Daruqatni, Sunan al-Darimi dan Muwatta' Imam Malik. Tidak kurang juga kitab Sirah yang menjadi rujukan penting dalam mentafsirkan ayat-ayat yang berkaitan dengan peperangan-peperangan Nabi di mana Ibnu Adel banyak merujuk kepada kitab Sirah Ibnu Ishak.

Dalam kertas ini, penulis hanya memfokuskan kepada penghujahan dari hadith-hadith nabi sahaja di dalam kitab tafsir 'al-Lubab' tanpa melihat kepada penafsiran-penafsiran oleh para sahabat melalui riwayat-riwayat mereka yang banyak terdapat dalam kitab *al-Lubab*, walaupun ianya termasuk di dalam *tafsir bi al-ma'thur*. Begitu juga kertas ini hanya memfokuskan surah al-Fatiyah sahaja berdasarkan bilangan ayat yang sedikit yang tujuannya untuk melihat sejauhmana penggunaan hadith-hadith nabi oleh pengarang *al-Lubab*.

Ketika menelusuri kitab *al-Lubab*, khususnya di dalam surah al-Baqarah, penulis menemui 33 buah hadith yang disandarkan terus kepada Rasulullah s.a.w., termasuk yang berlaku pengulangan. Penulis mendapati tujuh aspek dari segi metode penghujahan hadith oleh Ibnu Adel dalam kitab beliau sebagaimana berikut:

5.1. Tidak menyebut sanad atau sandaran hadith kecuali perawi di kalangan sahabat.

Dalam meriwayatkan hadith Nabi s.a.w. di dalam kitab beliau *al-Lubab*, Ibnu Adel tidak menyertakan sanad hadith kecuali sebahagian hadith hanya disebut nama sahabat yang meriwayatkan dari Nabi s.a.w.. Ibnu Adel banyak menulkikan secara langsung dari kitab-kitab yang menjadi rujukan beliau seperti *al-Durr al-Masun* karangan al-Sayuti, *al-Tafsir al-Kabir* karangan al-Tabari, kitab al-Jami' Li Ahkami al-Quran yang juga tidak menyatakan sanad. Hampir sebahagian hadith yang terdapat dalam kitab *al-Lubab* hanya disebut "قال رسول الله" atau "قال النبي" sahaja dan sebahagian besar yang lain hanya disebut perawi di kalangan sahabat seperti Abu Hurairah, Ibnu Abbas, Abu Said al-Khadri dan lain-lain.

1. Tidak menyatakan status hadith saihih, daif ataupun mungkar.

²² Al-Quran. Al-Najm 53:3-4



2. Banyak nukilan pendapat ulama dari kitab yang dirujuk oleh beliau termasuk hadith-hadith tanpa membuat penjelasan tambahan.
3. Penghujahan hadith dalam aspek penerangan isu.

Penulis mendapati Ibnu Adel mementingkan penghujahan hadith dalam menjelaskan satu-satu isu seperti isu penamaan surah, isu penurunan ayat samada *makkiyah* ataupun *madaniyah*, isu kelebihan surah dan lain-lain. Ianya boleh dilihat di awal perbicaraan dalam surah al-Fatihah, telahpun diselit riwayat-riwayat hadith dalam menerangkan tentang penamaan surah al-Fatihah dan kelebihannya yang terdiri daripada tujuh ayat dan dinamakan sebagai Umul Kitab, Ibnu adel telah membawa satu hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، سَبْعَ آيَاتٍ، إِنْدَاهُنَّ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ، وَهِيَ السَّبْعُ الثَّانِي،
وَهِيَ أُمُّ الْقُرْآنِ، وَهِيَ فَاتِحةُ الْكِتَابِ.²³

Ertinya:

Alhamdu lillahi rabbil 'alamin (surat Al-Fatihah) adalah tujuh ayat, sedangkan bismillahir rahmanir rahim adalah salah satu-nya. Surah Al-Fatihah adalah As-sab'ul mas'ani, Al-Qur'anul 'azim, Ummul Kitab, dan Fatihatul Kitab

Dalam hadith yang lain berkenaan kelebihan surah al-Fatihah:

مَا رُوِيَ أَنَّ جِبْرِيلَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَشَرْفُ وَكَرَمُ وَجَلَّ وَمَجْدُ وَعَظَمٌ وَفَخْمٌ - : " يَا مُحَمَّدُ، كُنْتَ أَخْشَى الْعَذَابَ عَلَى أُمَّتِكَ، فَلَمَّا نَزَّلَتِ الْفَاتِحةُ أَمْنَتْ، قَالَ: لَمْ يَا جِبْرِيل؟ قَالَ: لِأَنَّ اللَّهَ تَعَالَى قَالَ: وَإِنْ جَهَنَّمَ لِمُوَعِّدِهِمْ أَجْمَعِينَ لَهَا سَبْعَةُ أَبْوَابٍ لِكُلِّ بَابٍ مِنْهُمْ حُزْءٌ مَقْسُومٌ²⁴، وَآيَاتُهَا سَبْعَ، فَمَنْ قَرَأَهَا صَارَتْ كُلَّ آيَةٍ طَبِيقًا عَلَى كُلِّ بَابٍ مِنْ أَبْوَابِ جَهَنَّمَ، فَتَمَرَّ أُمَّتُكَ عَلَيْهَا سَالِمِينَ ".²⁵

Ertinya:

Dalil yang menunjukkan atas hal itu adalah apa yang diriwayatkan bahawa malaikat Jibril berkata kepada Nabi s.a.w.: ya Muhammad, aku sangat kuatir akan azab yang akan menimpak ke atas umatmu. Maka ketika surah al-Fatihah di turunkan, aku langsung mengaminkan. Nabi berkata: kenapa wahai Jibril? malaikat Jibril berkata: kerana sesungguhnya Allah berfirman: “Dan sesungguhnya Jahannam itu benar-benar tempat yang telah diancamkan kepada mereka (pengikut-pengikut syaitan) semuanya. Jahannam itu mempunyai tujuh pintu. Tiap-tiap pintu (telah ditetapkan) untuk golongan yang tertentu dari mereka”. Ayat dari surah al-Fatihah adalah 7, maka barangsiapa yang membacanya, dalam setiap satu ayat yang dibaca akan menutup pintu salah satu pintu Jahannam itu, maka umatmu dapat melaluinya dengan selamat”.

²³ Ibnu Adel al-Hambali, Abu Hafas Omar bin Ali, (1998). *al-Lubab Fi Ulum al-Kitab*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Lubnan, 1/159.

²⁴ Al-Quran. Al-Hijr 15:43-44

²⁵ Ibid, 1/161.



5.2. Penghujahan hadith dalam menerangkan tentang lafaz samaada dari sudut penggunaan bahasa maupun makna lafaz.

Dalam menjelaskan dan menerangkan makna lafaz al-Quran sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah Taala, sudah tentu rujukan yang utama selepas al-Quran ialah hadith-hadith Nabi s.a.w.. Dalam hal ini, penulis mendapati terdapat banyak hadith yang digunakan oleh Ibnu Adel samaada yang beliau bawa sendiri ataupun dinukilkan dari kitab-kitab lain yang beliau rujuk. Sebagai contoh dalam menerangkan tentang hikmah penggunaan lafaz (اَهْدَنَا) yang datang dengan ganti nama (نَا) iaitu ‘kami’, Ibnu Adel membawa satu hadith bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

اَذْعُوا اللَّهَ تَعَالَى بِأَلْسِنَةٍ مَا عَصَيْتُمُوهُ بِمَا قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَمَنْ لَنَا بِتِلْكَ الْأَلْسِنَةِ؟ قَالَ: يَدْعُونَ بَعْضَكُمْ لِبَعْضٍ
لأنك ما عصيت بلسانه، وهو ما عصي بلسانك.²⁶

Ertinya:

Berdoalah kepada Allah dengan lidah yang selalu kamu derhakai Allah dengan nya. Sahabat berkata: Wahai Rasulullah s.a.w., siapakah yang akan mendoakan untuk kami dengan sebab perbuatan lidah-lidah kami? Rasulullah s.a.w. bersabda: Hendaklah sebahagian kamu mendoakan sebahagian yang lain.

5.3. Penghujahan hadith dalam mentarjihkan qiraat.

Ketika mentarjihkan pendapat al-A'mash, Muhammad bin al-Sampi' dan Abu Abdul Malik dalam bacaan (مالك) dengan menasabkan huruf (ك), Ibnu Adel menukilkan riwayat bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda di salah satu peperangan:

يَا مَالِكَ يَوْمَ الدِّينِ²⁷

5.4. Penghujahan hadith dalam penetapan hukum hakam

Ibnu Adel juga membawa hadith-hadith nabi s.a.w. sebagai penghujahan dalam isu yang berkaitan dengan hukum-hakam melalui pendapat-pendapat ulama yang disandarkan oleh beliau. Sebagai contoh, dalam membincangkan hukum kewajipan membaca al-Fatihah di dalam solat, berlaku perbezaan pendapat di kalangan ulamak mengenai hal ini. Sebahagian ulamak berpendapat tidak wajib berdasarkan hujah dan dalil mereka, dan sebahagian yang lain mengatakan wajib, dengan membawa hujah-hujah mereka. Dalam menyokong pendapat masing-masing, maka hadith nabi dijadikan hujah dan sandaran. Di sini kita bawa satu contoh riwayat dari Nabi s.a.w. yang menyokong hujah bagi yang berpendapat bahawa bacaan al-Fatihah di dalam solat adalah wajib berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

كُلُّ صَلَاةٍ لَمْ يَقْرَأْ فِيهَا بِأَمْ القُرْآنِ فَهِيَ حِدَاجٌ، فَهِيَ حِدَاجٌ²⁸

Ertinya:

Setiap solat yang tidak dibacakan al-fatihah di dalamnya adalah (حداج) iaitu tidak sempurna.

Dan banyak lagi hadith-hadith lain yang dibawa oleh ulamak-ulamak dalam mengukuhkan hujah masing-masing yang dibawa oleh Ibnu Adel dalam kitab *al-Lubab*. Hadith-hadith yang dibawa oleh Ibnu Adel ini

²⁶ Ibid, 1/208.

²⁷ Ibid, 1/186

²⁸ Ibid, 1/235



adalah hujah-hujah para ulamak feqah dalam menetapkan hukum-hakam sesuatu isu yang timbul dalam usaha beliau menafsirkan al-Quran.

6. KESIMPULAN

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa Allah Taala menurunkan al-Quran ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. di dalam bahasa Arab yang jelas lagi nyata. Ulamak yang ingin berkecimpung dalam pentafsiran ayat-ayat suci al-Quran sudah tentu perlu memiliki keilmuan yang jitu dalam pelbagai cabang ilmu termasuk ilmu Hadith samada ilmu dirayah mahupun riwayah, ilmu bahasa dan lain-lain hingga mampu memahami kehendak-kehendak Allah Subhanahu wa Taala. Hadith merupakan salah satu sumber utama dalam pentafsiran al-Quran, sebagaimana yang disebut sebelum ini dimana ia mengungguli di kedudukan kedua dalam senarai sumber pentafsiran al-Quran selepas tafsir al-Quran dengan al-Quran. Ulamak-ulamak tafsir tidak boleh lari dari menggunakan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. sebagai sumber rujukan semenjak dahulu hingga sekarang. Hujahan-hujahan hadith terus menjadi pilihan dalam karangan-karangan ulamak tafsir.

Kesimpulan dari kertas kerja ini, beberapa perkara penting yang perlu diketahui oleh kita berkenaan penghujahan Ibnu Adel dengan hadith dalam pentafsiran al-Quran sebagaimana berikut:

1. Ibnu Adel banyak menukikan pendapat-pendapat ulamak dari kitab-kitab yang menjadi rujukan beliau termasuk hadith-hadith di dalamnya tanpa banyak membuat penjelasan tambahan.
2. Ibnu Adel tidak menyandarkan hadith-hadith tersebut dengan sanad yang sempurna sebagaimana yang dilakukan oleh ulamak-ulamak hadith.
3. Ibnu Adel tidak menyatakan status hadith samada saheh, dhaif ataupun mungkar.
4. Secara umumnya, Ibnu Adel mementingkan penggunaan hadith sebagai hujah dan sumber dalam mengarang kitab tafsirnya ‘*al-Lubab Fi Ulum al-Kitab*’ cuma beliau tidak konsisten dalam menyandarkan hadith kepada perawi yang terdekat atau dikenali sebagai *rawi a’la* di kalangan sahabat. Ada Matan yang dinyatakan nama sahabat dan banyak juga didapati riwayat yang hanya menyebut *قال رسول الله* “*قال النبي*” atau *قال الله* “*قال الله*”.

Diharap kertas ini sedikit sebanyak boleh memberi manfaat kepada kita semua dalam memberi khidmat kepada al-Quran yang tidak ada di dalamnya kebatilan, menjadi petunjuk sepanjang zaman. Wassalam.

RUJUKAN

1. Al-Quran al-Karim
2. Al-Quran dan Terjemahannya, (1997). Mujamma’ al-Malik Fahd Li Thiba’ah al-Mushaf al-Syarif, Madinah Munawwarah.
3. Ahmad bin Husain bin Ali bin Musa Abu Bakar al-Baihaqi, (1994), Sunnan al-Baihaqi al-Kubra, Makkah al-Mukarramah, Maktabah Dar al-Baz.
4. Al-Adnawi, Ahmad Bin Mohammad, (1997) M, Tabaqat al-Mufassirin, Tahqiq: Sulaiman Bin Saleh al-Khuzi, al-Madinah al-Munawwarah, Maktabah al-Ulum wa al-Hukm.
5. Al-Albani, Muhammad Nasruddin, (2002), Mukhtasar Saheh al-Imam al-Bukhariy, Riyadh, Maktabah al-Ma’arif li al-Nasir wa Tauzi’.
6. Al-Askary, Abu Hilal, (1952). al-Sina’atayn, Kaherah.
7. Al-Baihaqi, Ahmad bin Husain bin Ali bin Musa Abu Bakar, 1994 M, Sunnan al-Baihaqi al-Kubra, Makkah al-Mukarramah, Maktabah Dar al-Baz.
8. Al-Daudi, Syamsuddin Mohammad Bin Ali Bin Ahmad (t.t), Tabaqat al-Mufassirin, Tahqiq: Ali Mohammad Omar, Qaherah, Maktabah Wahbah Cet. 2.
9. Al-Farahidi, Abu Abdul Rahman al-Khalil bin Ahmad, Kitab al-Ain, (t.t), Darul Maktabah al-Hilal, Mesir.
10. Al-Halaby, Abu al-Abbas Syihabuddin Ahmad bin Yusoff bin Abdul al-Daim (t.t.), al-Durr al-Masun Fi Ulum al-Kitab al-Maknun, Damsyik, Dar al-Qalam.
11. Al-Ibadi, Ahmad Mokhtar, (1988), Qiyam Daulah al-Mamalik al-‘ula Fi Misr wa al-Sham, Mu’assasah Shabab al-Jamiah, Iskandariyah.



12. Al-Jazari, cIzzu al-Din bin al-Athir, (1400H), al-Lubab Fi Tahzib al-Ansab, Beirut, Dar Sadir.
13. Al-Munziri, Abdul al-Azim bin Abd al-Qawiy (1987), Mukhtasar Saheh Muslim, Tahqiq: Muhammad Nasiruddin Albani, Beirut, al-Maktab al-Islami.
14. Al-Sakhawi, Shamsuddin Bin Abdul Rahman (t.t.), al-Dhu' al-Lami' fi A'yan al-Qarni al-Tasi', Beirut; Maktabah al-Hayat.
15. Al-Suyuti, Abdul Rahman Bin Abi Bakar Jalaluddin, (1396H), Tabaqat al-Mufassirin, Qaherah, Maktabah al-Wahbah.
16. Al-Zabidy, Muhibbuddin Abi Fayyidh al-Sayyid Muhammad Murtadha al-Huseini al-Wasti al-Hanafi, (1994).Taj al-Arus min Jawahir al-Qamus, , Dar al-Fikr, Beirut.
17. Al-Zahabiy, Dr. Muhammad Hussin, (1989), al-Tafsir wa al-Mufassirun, al-Kaherah: Maktabah Wahbah.
18. Al-Zirikli, Khairuddin Bin Mohammad, (1990), Al-Aclam Qamus Tarajum Li Asyhar al-Rijal Wa al-Nisa' min al-cArab Wa al-Mustghribin Wa al-Mustasyriqin, Beirut, Lubnan, Dar al-Ilmi Lil-Malayin.
19. Bin Musa, M. A., Yusoff, A. M., Mohamad, K. A., & Azmi, A. S. (2017). The Utilisation Of Ḥadīth In Qur'ānic Criticism. Journal Of Hadith Studies, 2(1).
20. Haji Khalifah, Mustafa Bin Abdullah, (1941), Kashfu al-Zunun cAn Asami al-Kutub wa al-Funun, Baghdad, Maktabah al-Muthanna.
21. Ibnu Adel, Abu Hafas Omar bin Ali al-Hambali, (1998). al-Lubab Fi Ulum al-Kitab, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Lubnan.
22. Ibrahim Tarkhan, (1961), Misr Fi Asr Daulah Al-Mamalik Al-Jarakasah, Qaherah.
23. Makki, al-Aani Sami Makki, (t.t.) al-Islam wa al-Syi'r, Salsilah Mansyuurat Alam al-Makrifah, al-Kuwait, al-Majlis al-Watani lil-Thaqafah wa al-Funun wa al-Adab.
24. Muslim, Ibn al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qusyairi al-Nisaburi (t.t.), Al-Masnad al-Saheh al-Mukhtasar bi Naqli al-Ad'li Ila Rasulillah s.a.w., Tahqiq: Muhammad Fuad al-Baqiy, Beirut, Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.
25. Shalabi, Dr Ahmad, (1982), Mausu'ah Al-Tarikh Al-Islami, Qaherah, Maktabah Al-Nahdhah Al-Misriyyah, Cet. 5.